



Be U by Bank Islam

Menara Bank Islam
22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur

☎ 03 2779 0088

@ beu.communitysupport@bankislam.com.my



TERMS AND CONDITIONS OF BE U AWFAR TRANSACTIONAL INVESTMENT ACCOUNT

(Be U Awfar is not protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

TERMA DAN SYARAT AKAUN PELABURAN TRANSAKSI AWFAR BE U

(Be U Awfar tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

Effective from 9 March 2026 / Berkuat kuasa mulai 9 Mac 2026

IMPORTANT NOTICE:		NOTIS PENTING:	
- THIS IS AN INVESTMENT ACCOUNT PRODUCT THAT IS TIED TO THE PERFORMANCE OF THE UNDERLYING ASSETS, AND NOT A DEPOSIT PRODUCT. - CUSTOMER IS ADVISED TO READ AND UNDERSTAND THE TERMS AND CONDITIONS BEFORE AGREEING TO SUBSCRIBE FOR ANY PRODUCT OR SERVICE AND/OR PARTICIPATING IN ANY OF BANK ISLAM'S CAMPAIGNS AND PROMOTIONS.		- INI ADALAH PRODUK AKAUN PELABURAN YANG TERIKAT KEPADA PRESTASI ASET, DAN BUKAN PRODUK DEPOSIT. - PELANGGAN ADALAH DINASIHATI UNTUK MEMBACA DAN MEMAHAMI TERMA DAN SYARAT SEBELUM BERSETUJU UNTUK MELANGGAN MANA-MANA PRODUK ATAU PERKHIDMATAN DAN/ATAU MENGAMBIL BAHAGIAN DI DALAM MANA-MANA KEMPEN DAN PROMOSI BANK ISLAM.	
1.0	OVERVIEW	1.0	GAMBARAN KESELURUHAN
1.1	This Be U Awfar Transactional Investment Account T&C applies between Bank Islam and you as the subscriber of Be U Awfar Transactional Investment Account and shall be regarded as a legally binding contract ("Contract"). This Be U Awfar Transactional Investment Account T&C shall be read together with the following documents: - Be U by Bank Islam General Terms and Conditions - Be U Privacy Policy - Bank Islam Group Privacy Notice DO NOT PROCEED to subscribe Be U Awfar Transactional Investment Account or any Be U Awfar Transactional Investment Account related products, campaigns and promotions if you disagree with this Be U Awfar Transactional Investment Account T&C.	1.1	T&S Akaun Pelaburan Transaksi Be U Awfar ini terpakai antara Bank Islam dan anda sebagai pelanggan Akaun Pelaburan Transaksi Be U Awfar dan akan dianggap sebagai kontrak yang mengikat secara sah ("Kontrak"). T&S Akaun Pelaburan Transaksi Be U Awfar ini perlu dibaca bersama dokumen-dokumen berikut: - Terma dan Syarat Am Be U oleh Bank Islam - Polisi Privasi Be U - Notis Privasi Kumpulan Bank Islam JANGAN TERUSKAN untuk melanggan Akaun Pelaburan Transaksi Be U Awfar atau mana-mana produk, kempen, dan promosi yang berkaitan dengan Akaun Pelaburan Transaksi Be U Awfar jika anda tidak bersetuju dengan T&S Akaun Pelaburan Transaksi Be U Awfar ini.
2.0	DEFINITIONS	2.0	DEFINISI
2.1	In this T&C, unless otherwise provided, the following words shall have the meaning as set out below: "Be U" means Be U by Bank Islam digital banking application. "Be U Awfar" means Unrestricted Investment Account Awfar product offered by Be U by Bank Islam based on the Shariah principle of Mudarabah. "Bank Islam" or "Bank" means Bank Islam Malaysia Berhad (Company No. 198301002944), a company	2.1	Dalam T&S ini, kecuali dinyatakan sebaliknya, perkataan-perkataan berikut mempunyai maksud seperti yang dinyatakan di bawah: "Be U" bermaksud aplikasi perbankan digital Be U oleh Bank Islam. "Be U Awfar" bermaksud produk Akaun Pelaburan Transaksi Tidak Terhad Awfar yang ditawarkan oleh Be U oleh Bank Islam berdasarkan prinsip Syariah Mudarabah. "Bank Islam" atau "Bank" bermaksud Bank Islam Malaysia

incorporated in Malaysia having its registered office at 32nd Floor, Menara Bank Islam, No. 22 Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur and includes its successors-in-title and assigns. “Investment Account” or “IA” means an account under which money/ principal is paid and accepted for the purpose of investment, including for the provision of finance, in accordance with Shariah on terms that there is no express or implied obligation to repay the money in full and: a) either only the profits, or both the profits or losses, thereon shall be shared between the person paying the money and the person accepting the money; or b) with or without any return. “Investment Account Holder” or “IAH” means the account holder of an Investment Account. “Investor Suitability Assessment Form” means the assessment form to assess the suitability of the prospective IAH pertaining to the IA product. “Mudharabah” means a form of contract between the capital provider (Rabbul Mal) and an entrepreneur (Mudharib) under which the Rabbul Mal provides capital to be managed by the Mudharib and any profit generated from the capital is shared between the Rabbul Mal and Mudharib based on a mutually agreed profit sharing ratio whilst financial losses are borne by the Rabbul Mal provided that such losses are not due to the misconduct, negligence or breach of specific terms. “Nest” means a goal-based funds allocation feature in Be U Awfar which enables IAH to set aside funds toward achieving short or long-term investment goals. “Product Disclosure Sheet” or “PDS” means a sheet containing the relevant information and disclosure of the main terms of the relevant IA product. “Unrestricted Investment Account” means a type of IA where the IAH provides Bank Islam with the mandate to make the ultimate investment decision without specifying any particular restrictions or conditions. “Self Service Terminal” means a terminal which allows the IAH to make cash deposits, withdrawals and/or any other payment transactions in respect of the IAH's accounts opened with Bank Islam. “Eligibility Unit” or “EU” means a unit calculated based on IAH average monthly, quarterly, half yearly and yearly balance (whichever applicable). The more EU IAH have, the higher chance for IAH to win the Awfar draw.	Berhad (No. Syarikat 198301002944), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dengan pejabat berdaftar di Tingkat 32, Menara Bank Islam, No. 22 Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur, termasuk pengganti hakmilik dan pemegang serah haknya. “Akaun Pelaburan Transaksi” atau “IA” bermaksud akaun di mana wang/ prinsipal dibayar dan diterima untuk tujuan pelaburan, termasuk bagi peruntukan kewangan selaras dengan Syariah berdasarkan terma yang tidak dinyatakan secara nyata atau tersirat untuk membayar balik wang sepenuhnya dan: a) sama ada hanya keuntungan, atau kedua-dua keuntungan atau kerugian, akan dikongsi antara pihak yang membayar wang dan pihak yang menerima wang; atau b) dengan atau tanpa sebarang pulangan. “Pemegang Akaun Pelaburan Transaksi” atau “IAH” bermaksud pemegang akaun bagi Akaun Pelaburan Transaksi. “Borang Penilaian Kesesuaian Pelabur” bermaksud borang penilaian untuk menilai kesesuaian bakal IAH berkaitan produk IA. “Mudharabah” bermaksud kontrak antara penyedia modal (Rabbul Mal) dan usahawan (Mudharib) di mana Rabbul Mal menyediakan modal untuk diuruskan oleh Mudharib dan sebarang keuntungan yang dijana daripada modal dikongsi antara Rabbul Mal dan Mudharib berdasarkan nisbah perkongsian keuntungan yang dipersetujui bersama, manakala kerugian kewangan ditanggung oleh Rabbul Mal dengan syarat kerugian tersebut bukan disebabkan oleh salah laku, kecuaiian, atau pelanggaran terma khusus oleh Mudharib. “Nest” bermaksud ciri peruntukan dana secara bersasaran dalam Be U Awfar yang membolehkan IAH mengasingkan dana bagi mencapai matlamat pelaburan jangka pendek atau jangka panjang. “Lembaran Maklumat Produk” atau “PDS” bermaksud lembaran yang mengandungi maklumat bersesuaian dan pendedahan mengenai terma utama produk IA berkenaan. “Akaun Pelaburan Transaksi Tidak Terhad” bermaksud sejenis IA di mana IAH memberikan mandat kepada Bank Islam untuk membuat keputusan pelaburan akhir tanpa menetapkan sebarang sekatan atau syarat tertentu. “Terminal Layan Diri” bermaksud terminal yang membolehkan IAH membuat deposit tunai, pengeluaran, dan/atau sebarang transaksi pembayaran lain berkaitan akaun IAH yang dibuka dengan Bank Islam.
--	--



Be U by Bank Islam

Menara Bank Islam
22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur

☎ 03 2779 0088

@ beu.communitysupport@bankislam.com.my



			“Unit Kelayakan” atau “EU” bermaksud unit yang dikira berdasarkan baki purata bulanan, suku tahunan, setengah tahunan, dan tahunan (mana-mana yang berkenaan) IAH. Semakin banyak EU yang dimiliki IAH, semakin tinggi peluang IAH untuk memenangi cabutan Awfar.
3.0	OPENING OF ACCOUNT	3.0	PEMBUKAAN AKAUN
3.1	Any application to open a Be U Awfar IA shall be made via Be U mobile app on Apple and Android device only.	3.1	Sebarang permohonan untuk membuka Akaun Pelaburan Transaksi Be U Awfar hendaklah dilakukan melalui aplikasi mudah alih BU di peranti Apple dan Android sahaja.
3.2	Individuals who have attained the age of at least 18 years are eligible to open Be U Awfar.	3.2	Individu yang telah mencapai umur sekurang-kurangnya 18 tahun layak untuk membuka Akaun Be U Awfar.
3.3	Only Malaysian citizens with a valid MyKad are eligible to open Be U Awfar IA. The MyKad must be in good condition and capable of being scanned via smartphone's camera. Holders of MyKid, MyPR, MyTentera, and MyKAS are not eligible.	3.3	Hanya warganegara Malaysia yang mempunyai MyKad yang sah layak untuk membuka Akaun Pelaburan Transaksi Be U Awfar. MyKad mestilah dalam keadaan baik dan boleh diimbas menggunakan kamera telefon pintar. Pemegang MyKid, MyPR, MyTentera, dan MyKAS tidak layak.
3.4	To be eligible to open a Be U Awfar, IAH must have at least one (1) existing savings or current account with any bank in Malaysia.	3.4	Untuk layak membuka Akaun Be U Awfar, Pemegang Akaun Pelaburan Transaksi (IAH) mesti mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) akaun simpanan atau akaun semasa yang sedia ada dengan mana-mana bank di Malaysia.
3.5	The minimum amount of initial investment required to open the account is Ringgit Malaysia One Hundred (RM100). IAH is required to maintain minimum balance and any withdrawal below the minimum balance cannot be performed unless account is closed. Please refer to product disclosure sheet for detail of minimum balance.	3.5	Jumlah minimum pelaburan awal yang diperlukan untuk membuka akaun ialah Ringgit Malaysia Seratus (RM100). Pemegang Akaun Pelaburan Transaksi (IAH) perlu mengekalkan baki minimum, dan sebarang pengeluaran yang menyebabkan baki di bawah paras minimum tidak boleh dilakukan kecuali akaun ditutup. Sila rujuk kepada Lembaran Maklumat Produk untuk maklumat lanjut mengenai baki minimum.
3.6	For existing Be U Qard Savings Account-i customers, the initial investment can be transferred directly from their Be U Qard Savings Account-i or from any bank account registered solely in the IAH's own name (trust account or joint accounts are not accepted).	3.6	Bagi pelanggan sedia ada Akaun Simpanan-i Qard Be U, pelaburan awal boleh dipindahkan secara langsung daripada Akaun Simpanan-i Qard Be U atau daripada mana-mana akaun bank yang didaftarkan atas nama IAH sahaja (akaun amanah atau akaun bersama tidak diterima).
3.7	For new Be U customers, the initial investment for Be U Awfar must be made using a bank account registered solely in the IAH's own name (trust account or joint accounts are not accepted).	3.7	Bagi pelanggan baru Be U, pelaburan awal untuk Be U Awfar mesti dibuat menggunakan akaun bank yang didaftarkan atas nama IAH sahaja (akaun amanah atau akaun bersama tidak diterima).
3.8	Unless otherwise exempted, any application to open Be U Awfar shall be accompanied with a duly completed investor Suitability Assessment Form during opening of Be U Awfar IA inside Be U mobile application.	3.8	Kecuali dinyatakan sebaliknya, sebarang permohonan untuk membuka Akaun Pelaburan Transaksi Be U Awfar hendaklah disertakan dengan Borang Penilaian Kesesuaian Pelabur yang telah dilengkapkan semasa pembukaan Akaun Pelaburan Transaksi Be U Awfar dalam aplikasi mudah alih Be U.
3.9	Upon making an application to open Be U Awfar IA, IAH is required to confirm that he/she has read and understood the PDS related to IA product by checking on the checkbox during opening of Be U Awfar IA inside Be U mobile application.	3.9	Semasa membuat permohonan untuk membuka Akaun Pelaburan Transaksi Be U Awfar, IAH dikehendaki mengesahkan bahawa beliau telah membaca dan memahami Lembaran Maklumat Produk (PDS) berkaitan produk IA dengan menandakan kotak semak semasa pembukaan Akaun Pelaburan Transaksi Be U Awfar dalam aplikasi mudah alih Be U.
3.10	By checking on the checkbox of T&C and Aqad on opening of account screen in Be U and/or performing his/her identity verification at Be U, the IAH hereby agrees	3.10	Dengan menandakan kotak semak T&S dan Akad pada skrin pembukaan akaun dalam Be U dan/atau melaksanakan pengesahan identiti dalam Be U, IAH



Be U by Bank Islam

Menara Bank Islam
22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur

☎ 03 2779 0088

@ beu.communitysupport@bankislam.com.my



	to invest the money into Be U Awfar and Nest based on Mudarabah contract for the Bank to invest in any Shariah compliant investments that the Bank deems fit. Any profit made from the said investment shall be shared between the Bank and IAH at the agreed profit-sharing ratio. Any loss suffered from the investments shall be borne by IAH unless such loss is due to the Bank's misconduct, negligence or breach of specified terms.		dengan ini bersetuju untuk melaburkan wang ke dalam Be U Awfar dan Nest berdasarkan kontrak Mudarabah untuk Bank laburkannya ke dalam mana-mana pelaburan patuh Syariah yang difikirkan sesuai oleh Bank. Sebarang keuntungan yang diperoleh daripada pelaburan tersebut akan dikongsi antara Bank dan IAH mengikut nisbah perkongsian keuntungan yang dipersetujui. Sebarang kerugian daripada pelaburan tersebut akan ditanggung oleh IAH kecuali jika kerugian tersebut disebabkan oleh salah laku, kecuai, atau pelanggaran terma tertentu oleh Bank.
3.11	To minimize the risk of unauthorized transaction, there will be a cooling-off period of twelve (12) hours after account is opened before it can be used for transactions.	3.11	Untuk mengurangkan risiko transaksi yang tidak dibenarkan, tempoh bertenang selama dua belas (12) jam akan dikenakan selepas akaun dibuka sebelum ia boleh digunakan untuk transaksi.
3.12	The Bank is authorised to act on all instructions given in accordance with the instructions stated in the account opening Terms & Condition and PDS. If any instructions are ambiguous or the Bank receives conflicting instructions, the Bank reserves the right not to act upon any instructions until the conflict has been resolved to the Bank's satisfaction, without any liability to the Bank.	3.12	Bank diberi kuasa untuk melaksanakan semua arahan yang diberikan mengikut arahan yang dinyatakan dalam Terma & Syarat pembukaan akaun dan PDS. Jika sebarang arahan tidak jelas atau Bank menerima arahan yang bercanggah, Bank berhak untuk tidak melaksanakan sebarang arahan sehingga konflik tersebut diselesaikan mengikut kepuasan pihak Bank tanpa sebarang liabiliti kepada Bank.
3.13	The Bank may, to the extent permitted by law and Shariah principles accept the opening or continuance of IA product.	3.13	Bank boleh, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan prinsip Syariah, menerima pembukaan atau kesinambungan produk IA.
4.0	INVESTMENT ACTIVITIES	4.0	AKTIVITI PELABURAN
4.1	The IAH acknowledges that he/she fully understood the risks associated with IA and the Shariah principle of Mudarabah, as defined above, including the possibility to incur financial losses in whole or in part of his/her capital investment in the account.	4.1	IAH mengakui bahawa beliau memahami sepenuhnya segala risiko yang berkaitan dengan IA dan prinsip Syariah Mudarabah, seperti yang diterangkan di atas, termasuk kemungkinan mengalami kerugian kewangan sepenuhnya atau sebahagian daripada pelaburan modal dalam akaun tersebut.
4.2	Under the IA concept of Mudarabah, the IAH as the capital provider or rabbul mal shall provide capital to be managed by Bank Islam acting as the entrepreneur or mudarib with a view of sharing profits arising from the investment activities managed by Bank Islam.	4.2	Di bawah konsep IA Mudarabah, IAH sebagai penyedia modal atau rabbul mal akan menyediakan modal untuk diuruskan oleh Bank Islam yang bertindak sebagai usahawan atau mudarib dengan tujuan untuk berkongsi keuntungan yang timbul daripada aktiviti pelaburan yang diuruskan oleh Bank Islam.
5.0	INVESTMENT TENURE	5.0	TEMPOH PELABURAN
5.1	There is no fixed minimum or maximum tenure for IA products.	5.1	Tiada tempoh minimum atau maksimum yang tetap untuk produk IA.
5.2	IAH is free to withdraw or increase the investment in the IA. However, a minimum balance as set out in the PDS shall be maintained in the account.	5.2	IAH bebas untuk mengeluarkan atau meningkatkan pelaburan dalam IA. Walau bagaimanapun, baki minimum seperti yang ditetapkan dalam PDS perlu dikekalkan dalam akaun.
6.0	INVESTMENT OBJECTIVES AND STRATEGIES	6.0	STRATEGI DAN OBJEKTIF PELABURAN
6.1	Every IA shall be governed by the investment objectives and strategies as set out in the PDS.	6.1	Setiap IA akan ditadbir oleh objektif dan strategi pelaburan seperti yang dinyatakan dalam PDS.



Be U by Bank Islam

Menara Bank Islam
22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur

☎ 03 2779 0088

@ beu.communitysupport@bankislam.com.my



7.0	PROFIT AND LOSS	7.0	KEUNTUNGAN DAN KERUGIAN
7.1	Any profits deriving from the investment activities, if any, shall be shared between Bank Islam and the IAH in accordance with the agreed profit-sharing ratio (PSR) as set out in the PDS, Letter of Offer and/or updated on Be U's website at www.getbeu.com (where applicable).	7.1	Apa-apa keuntungan yang diperolehi daripada aktiviti pelaburan, jika ada, hendaklah dikongsi di antara Bank Islam dan IAH mengikut nisbah perkongsian keuntungan (PSR) yang telah dipersetujui seperti yang dinyatakan di dalam PDS, Surat Tawaran dan/atau dikemas kini di laman web Be U di www.getbeu.com (di mana berkenaan).
7.2	The illustration on profit calculation is as set out in the PDS.	7.2	Ilustrasi pengiraan keuntungan adalah seperti yang dinyatakan di dalam PDS.
7.3	The PSR will be revised and take effect every 16th calendar day of the month. The revised PSR will be displayed at Be U's website at www.getbeu.com . IAH is reminded to regular check Be U's website for latest applicable PSR. By maintaining the IA, IAH shall be regarded agreeable with the prevailing PSR. IAH is advised to contact us for any assistance on the revised PSR.	7.3	PSR yang baharu akan ditukar dan berkuat kuasa pada 16 hari bulan setiap bulan. PSR yang baharu akan dipaparkan di laman web Be U di www.getbeu.com . IAH diingatkan untuk melayari laman web Be U secara berkala untuk PSR terkini. Sekiranya IAH mengekalkan IA, IAH dianggap bersetuju dengan PSR terkini. IAH dinasihatkan untuk menghubungi kami bagi mendapatkan bantuan menyemak PSR terkini.
7.4	The profits, if any, shall be paid monthly or such other interval as set out in the PDS.	7.4	Keuntungan, jika ada, akan dibayar secara bulanan atau mengikut jangka masa seperti yang dinyatakan dalam PDS.
7.5	Profits generated from the investment are shared in accordance with the terms in the contract.	7.5	Keuntungan yang dijana daripada pelaburan akan dibahagikan mengikut terma-terma dalam kontrak.
7.6	Losses, if any, shall be borne solely by the IAH and the Bank will not be responsible or liable to bear any losses except for losses which are due to or arising from any act of misconduct, negligence or breach of specific terms by the Bank.	7.6	Kerugian, jika ada, akan ditanggung sepenuhnya oleh IAH dan Bank tidak akan bertanggungjawab atau terikat untuk menanggung sebarang kerugian kecuali kerugian yang disebabkan oleh atau timbul akibat daripada sebarang perbuatan salah laku, kecuai atau pelanggaran terma-terma tertentu oleh Bank.
8.0	VALUATION METHOD AND FREQUENCY	8.0	KAEDAH PENILAIAN DAN KEKERAPAN
8.1	Valuation will be carried out in line with the recognition and measurement criteria of the applicable Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS). IAH will be able to obtain information pertaining to the Investment Account from Be U's website at www.getbeu.com .	8.1	Penilaian akan dilakukan mengikut kriteria pengiktirafan dan pengukuran yang ditetapkan dalam Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) yang berkenaan. IAH boleh memperoleh maklumat berkaitan Akaun Pelaburan Transaksi daripada laman web Be U di www.getbeu.com .
9.0	PLACEMENT	9.0	PELABURAN
9.1	The IAH may place monies in the IA via any mode of transaction made available in Be U which may include but not limited to transfer within Be U.	9.1	IAH boleh melaburkan wang dalam IA melalui sebarang cara transaksi yang disediakan dalam Be U yang mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada pemindahan dalam Be U.
10.0	WITHDRAWAL	10.0	PENGELUARAN
10.1	Any withdrawals to be made from Be U Awfar IA are allowed subject to the limits and prescribed charges if any, as set out in the PDS, Be U's website and/or any other channels as communicated by the Bank.	10.1	Sebarang pengeluaran dari Be U Awfar IA dibenarkan tertakluk kepada had dan caj yang ditetapkan, jika ada, seperti yang dinyatakan dalam PDS, laman web Be U dan/atau saluran lain yang dikomunikasikan oleh Bank.
10.2	IAH is required to maintain minimum balance in the account at all times as set out in the PDS. The minimum balance put under "Hold Amount" cannot be withdrawn unless the IA to be closed.	10.2	IAH dikehendaki mengekalkan baki minimum dalam akaun pada setiap masa seperti yang ditetapkan dalam PDS. Baki minimum yang diletakkan di bawah "Jumlah Pegangan" tidak boleh dikeluarkan kecuali jika IA ditutup.
10.3	Notwithstanding the foregoing or anything contained herein, the Bank shall have the right to suspend any withdrawal of IA under any of the following circumstances:	10.3	Tanpa menjejaskan perkara di atas atau apa-apa yang terkandung di sini, Bank berhak untuk menggantung sebarang pengeluaran IA di bawah mana-mana keadaan berikut:



Be U by Bank Islam

Menara Bank Islam
22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur

☎ 03 2779 0088

@ beu.communitysupport@bankislam.com.my



	a) market wide failure or financial/ economic crisis which includes but not limited to stock market crash or asset price crash; or b) exceptional operational failure such as wide scaled black out or system failure; or c) underlying assets shall not be capable of being liquidated at appropriate price; or d) the IAH's interest will be at jeopardy if redemption is not suspended; or e) any other events or circumstances which the Bank will communicate from time to time. The mode of notifications will be in electronic means via Be U website, Be U app or Be U social media.		a) kegagalan pasaran secara menyeluruh atau krisis kewangan/ekonomi yang termasuk tetapi tidak terhad kepada kejatuhan pasaran saham atau kejatuhan harga aset; atau b) kegagalan operasi luar biasa seperti gangguan besar atau kegagalan sistem; atau c) aset asas tidak boleh dicairkan pada harga yang sesuai; atau d) kepentingan IAH akan terjejas jika penebusan tidak digantung; atau e) mana-mana kejadian atau keadaan lain yang akan dimaklumkan oleh Bank dari semasa ke semasa. Kaedah pemberitahuan akan dilakukan secara elektronik melalui laman web Be U, aplikasi Be U atau media sosial Be U.
10.4	Any withdrawals relating to Nest shall be made in accordance with Clause 16.2.	10.4	Sebarang pengeluaran berkaitan dengan Nest hendaklah dibuat mengikut Klausula 16.2.
10.5	In accordance with Clause 10.1, IAH shall ensure that there is sufficient balance in Be U Awfar before withdrawing any funds from Be U Awfar. Bank Islam will not automatically transfer any balance from Nest in the event there is insufficient balance in Be U Awfar when IAH performs withdrawal.	10.5	Mengikut Klausula 10.1, IAH hendaklah memastikan baki Be U Awfar adalah mencukupi sebelum membuat sebarang pengeluaran dana dari Be U Awfar. Bank Islam tidak akan membuat sebarang pindahan dana secara automatik dari Nest sekiranya baki Be U Awfar IAH tidak mencukupi ketika membuat pengeluaran.
11.0	FEES AND CHARGES	11.0	FI DAN CAJ
11.1	The Bank shall be entitled to charge fee for any of its services provided to the IAH at the rates imposed by the Bank (as approved by Bank Negara Malaysia and subject to the Shariah rules and principles) based on the Shariah contract of Ijarah Al-Khadamat and as set out in the PDS, Be U's website and/or any channels considered appropriate by the Bank. The Bank shall have the right to debit the IAH's account for the said charges.	11.1	Bank berhak untuk mengenakan fi bagi mana-mana perkhidmatan yang disediakan kepada IAH mengikut kadar yang dikenakan oleh Bank (seperti yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia dan tertakluk kepada peraturan dan prinsip Syariah) berdasarkan kontrak Syariah Ijarah Al-Khadamat dan seperti yang dinyatakan dalam PDS, laman web Be U dan/atau saluran lain yang dianggap sesuai oleh Bank. Bank berhak untuk mendebit akaun IAH bagi caj tersebut.
11.2	No fees and charges will be imposed for creation of Nest under Clause 16.1.	11.2	Tiada fi dan caj akan dikenakan bagi pembukaan Nest mengikut Klausula 16.1.
12.0	STATEMENT OF ACCOUNT	12.0	PENYATA AKAUN
12.1	Be U Awfar Transactional Investment Account statement can be generated within the Be U mobile app and customer can download for safe keeping.	12.1	Penyata Akaun Pelaburan Transaksi Be U Awfar boleh dijana dalam aplikasi mudah alih Be U dan pelanggan boleh memuat turunnya untuk simpanan.
12.2	The statement of account issued by the Bank shall be valid and binding against IAH if not disputed within fourteen (14) calendar days from the date of the statement.	12.2	Penyata akaun yang dikeluarkan oleh Bank akan dianggap sah dan mengikat IAH jika tidak dibantah dalam tempoh empat belas (14) hari kalendar dari tarikh penyata.
12.3	Be U Awfar and Nest statement of account will be made available to the IAH on monthly basis. Each Awfar Nest account will have its own separate statement, which will not be combined with the Be U Awfar statement.	12.3	Penyata Be U Awfar dan Nest akan disediakan untuk IAH pada setiap bulan. Setiap akaun Awfar Nest akan mempunyai penyata tersendiri, yang tidak akan digabungkan dengan penyata Be U Awfar.
12.4	In the event the IAH require a complete statement of account comprising the Be U Awfar and Nest, the IAH may contact: Be U Community Support	12.4	Sekiranya IAH memerlukan penyata akaun lengkap merangkumi Be U Awfar dan Nest, IAH boleh menghubungi: Be U Community Support



Be U by Bank Islam

Menara Bank Islam
22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur

☎ 03 2779 0088

@ beu.communitysupport@bankislam.com.my



	Telephone: 03 2779 0088 Email: beu.communitysupport@bankislam.com.my		Telefon: 03 2779 0088 E-mel: beu.communitysupport@bankislam.com.my
12.5	The IAH is responsible to verify entries of all statement of account balance issued/ made available by the Bank and to notify the Bank by emailing the Bank at beu.communitysupport@bankislam.com.my within fourteen (14) calendar days from the date of the statement of account of any error, irregularity, discrepancy, claim or unauthorized debit or credit item whether made, processed or paid out as a result of forgery, fraud, lack of authority, negligence or otherwise by any person whomsoever. Unless otherwise notified by the IAH within the aforementioned period, all statement of account, balance issued/ made available by the Bank shall be valid and binding against the IAH. The Bank shall not be liable for any unauthorized alteration on the statement of account, nor for its misuse, acceptance, or unauthorized use.	12.5	IAH bertanggungjawab untuk menyemak semua butiran penyata akaun yang dikeluarkan/disediakan oleh Bank dan untuk memaklumkan Bank dengan menghantar e-mel kepada beu.communitysupport@bankislam.com.my dalam tempoh empat belas (14) hari kalendar dari tarikh penyata akaun mengenai sebarang ralat, ketidakserasian, perbezaan, tuntutan atau item debit atau kredit yang tidak sah, sama ada dibuat, diproses atau dibayar keluar akibat pemalsuan, penipuan, kekurangan kuasa, kecuaiian atau sebab-sebab lain oleh mana-mana individu. Kecuali jika diberitahu oleh IAH dalam tempoh yang dinyatakan di atas, semua penyata akaun, baki yang dikeluarkan/disediakan oleh Bank akan dianggap sah dan mengikat IAH. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang pengubahsuaian yang tidak sah pada penyata akaun, atau penggunaannya, penerimaan, atau penggunaan yang tidak sah.
13.0	RIGHT OF LIEN, SET OFF AND WITHHOLDING OF FUNDS	13.0	HAK KESELAMATAN, PENYELESAIAN DAN PENAHANAN WANG
13.1	The Bank has the right at any point of time to: a) demand IAH to refund of and/or to debit the IAH's account(s) and/or set off any balances in any account(s) including Be U Awfar and Nest for any overpayment into any IAH's account(s) arising from error, irregularity, or omission, whether attributable to the Bank, in the course of carrying IAH's instructions or in any other occasions. b) set off any money in any of the IAH's accounts including amount deriving from the profit-sharing investments with the Bank and/or any investment/ deposit products and/or receivables held in any of the IAH's accounts including Be U Awfar and Nest, towards satisfaction of any of IAH's liabilities to the Bank. c) debit the applicable amount from IAH's account including Be U Awfar and Nest without prior consent if IAH is not the intended beneficiary in the following events: i. mistaken payment instruction caused by third party who initiates the transaction (Originator) that is directed to a wrong recipient, carries wrong amount or duplicated; or ii. erroneous payment instructions that were incorrectly transferred by other financial institution or the Bank to other parties which include but not limited to generating invalid, incorrect, misdirected or duplicated transaction on behalf of Originator due to	13.1	Bank berhak pada bila-bila masa untuk: a) menuntut IAH untuk mengembalikan dan/atau mendebit akaun IAH dan/atau menolak selesai mana-mana baki dalam mana-mana akaun bagi sebarang bayaran berlebihan ke dalam mana-mana akaun IAH termasuk Be U Awfar dan Nest yang timbul akibat ralat, ketidakserasian, atau kecuaiian, sama ada disebabkan oleh Bank, dalam melaksanakan arahan IAH atau pada mana-mana keadaan lain. b) menolak selesai sebarang wang dalam mana-mana akaun IAH termasuk jumlah yang diperoleh daripada perkongsian keuntungan pelaburan dengan Bank dan/atau produk pelaburan/ deposit dan/atau jumlah yang terhutang dalam mana-mana akaun IAH termasuk Be U Awfar dan Nest, sebagai pembayaran bagi sebarang liabiliti IAH kepada Bank. c) mendebit jumlah yang berkenaan daripada akaun IAH termasuk Be U Awfar dan Nest tanpa mendapat persetujuan terlebih dahulu jika IAH bukanlah penerima yang dimaksudkan dalam kejadian berikut: i. kesilapan arahan pembayaran disebabkan oleh pihak ketiga yang memulakan transaksi ("Pemula") yang diarahkan kepada penerima yang salah, membawa jumlah yang salah atau pendua; atau ii. arahan pembayaran yang salah yang telah dipindahkan dengan tidak betul oleh institusi kewangan lain atau Bank kepada pihak lain yang termasuk tetapi tidak terhad kepada transaksi yang tidak sah, salah, salah arahan atau pendua bagi pihak Pemula akibat ralat teknikal atau ralat operasi yang bukan disebabkan oleh

	technical errors or operational errors that are not the fault of the Originator; or iii. erroneous payments caused by payment system may be due to technical or operational errors that resulting in incorrect or duplicated transaction; or iv. unauthorised or fraudulent payment instruction that were not initiated by the Originator or transaction which have been induced by dishonest or fraudulent meant for the benefit of a party other than the party intended by the Originator. d) Any deduction to be made under this clause shall first be made by deducting from Be U Awfar. If the balance in Be U Awfar is insufficient, then deduction will be made from Nest.		Pemula; atau iii. bayaran yang salah disebabkan oleh sistem pembayaran mungkin berlaku akibat ralat teknikal atau operasi yang mengakibatkan transaksi yang salah atau pendua; atau iv. arahan pembayaran yang tidak sah atau penipuan yang tidak dilakukan oleh Pemula atau transaksi yang berunsurkan ketidakjujuran atau penipuan bagi menguntungkan sesuatu pihak selain daripada pihak yang dimaksudkan oleh Pemula. d) Sebarang penolakan yang perlu dibuat dibawah klausa ini akan ditolak dari Be U Awfar dahulu. Sekiranya baki dalam Be U Awfar tidak mencukupi, penolakan tersebut akan dibuat dari Nest.
13.2	In the event there is amount due, owing, and payable by IAH, the Bank reserves the right to refuse withdrawals of or refuse to discharge any IAH's accounts, balances, funds and/or assets. The Bank is authorised to realise any of IAH's placements, investment products and/or assets whatsoever held with the Bank until all monies due, owing, and payable to the Bank is fully settled by IAH.	13.2	Sekiranya terdapat jumlah yang perlu dibayar, tertunggak, dan perlu dibayar oleh IAH, Bank berhak untuk menolak pengeluaran atau menolak daripada melepaskan mana-mana akaun, baki, dana dan/atau aset IAH. Bank diberi kuasa untuk mencairkan mana-mana pelaburan, produk pelaburan dan/atau aset IAH yang dipegang dengan Bank sehingga semua wang yang perlu dibayar, tertunggak, dan perlu dibayar kepada Bank diselesaikan sepenuhnya oleh IAH.
14.0	INACTIVE/ DORMANT ACCOUNTS/ UNCLAIMED MONIES	14.0	AKAUN TIDAK AKTIF/ AKAUN DORMAN/ WANG TIDAK DITUNTUT
14.1	IAH shall transact at least once a year. The Bank shall consider the account as dormant if the account is not active for a period of one (1) year from the last transaction date.	14.1	IAH perlu melakukan transaksi sekurang-kurangnya sekali setahun. Bank akan mengklasifikasikan akaun sebagai dormant sekiranya akaun tidak aktif untuk tempoh satu (1) tahun dari tarikh transaksi terakhir.
14.2	For clarity, once the Be U Awfar becomes dormant, Nest will expire and be closed. Any remaining balance in the Nest will be transferred to the IAH's Be U Awfar.	14.2	Sebagai penerangan, sebaik sahaja Be U Awfar menjadi dormant, Nest akan luput dan ditutup. Sebarang baki dalam Nest akan dipindahkan ke Be U Awfar IAH.
14.3	Transaction from Be U Awfar into Nest and from Nest into Be U Awfar shall be regarded as active transaction for the purpose of this Clause 14.	14.3	Transaksi dari Be U Awfar ke dalam Nest dan dari Nest ke dalam Be U Awfar akan dianggap sebagai suatu transaksi aktif bagi tujuan Klausula 14 ini.
14.4	Any credit balance standing to the IA including Nest which has not been operated for seven (7) years or more will be transferred to the Registrar of Unclaimed Moneys under the Unclaimed Moneys Act (UMA) 1965.	14.4	Sebarang baki kredit yang terdapat dalam IA termasuk Nest yang tidak digunakan selama tujuh (7) tahun atau lebih akan dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut di bawah Akta Wang Tidak Dituntut (UMA) 1965.
14.5	Subject to Clause 11.1, an annual service charge shall be imposed and deducted from the account as long as it remains dormant. This service charge will be charged (auto deduction) until the remaining balances are sent to the Registrar of Unclaimed Moneys. A dormant account will be subject to the following conditions based on its balance: a) If the account balance is above RM5.00, a RM5.00 annual service charge will be applied to the account. b) If the account balance is RM5.00 or less, the	14.5	Tertakluk kepada Klausula 11.1, caj perkhidmatan tahunan akan dikenakan dan ditolak daripada akaun selagi akaun tersebut tetap dormant. Caj perkhidmatan ini akan dikenakan (potongan automatik) sehingga baki yang tinggal dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut. Akaun dormant akan tertakluk kepada syarat berikut berdasarkan baki akaun: a) Jika baki akaun melebihi RM5.00, caj perkhidmatan tahunan sebanyak RM5.00 akan dikenakan ke atas akaun.



Be U by Bank Islam

Menara Bank Islam
22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur

☎ 03 2779 0088

@ beu.communitysupport@bankislam.com.my



	account will be closed, and the remaining balance will be absorbed by the Bank as a service charge and Bank shall have the right to close the account thereafter.		b) Jika baki akaun adalah RM5.00 atau kurang, akaun akan ditutup, dan baki yang tinggal akan diserap oleh Bank sebagai caj perkhidmatan dan Bank berhak untuk menutup akaun tersebut selepas itu.
15.0	FREEZING, HOLDING, SUSPENDING AND/OR CLOSING OF ACCOUNT	15.0	PEMBEKUAN, PENAHANAN, PENGGANTUNGAN DAN/ATAU PENUTUPAN AKAUN
15.1	The Bank may freeze, hold, suspend, close and/or place any other appropriate tagging on IAH's account whatsoever and dealing with the balances in the IAH's account at the Bank's discretion upon receipt of the notice of death, insanity, bankruptcy and winding-up or upon being served with order from court, relevant authorities, or enforcement agencies, or at the Bank's opinion proper and necessary to do so (where it is final and binding).	15.1	Bank boleh membekukan, menahan, menggantung, menutup dan/atau meletakkan sebarang tanda yang sesuai pada akaun IAH dan menguruskan baki dalam akaun IAH mengikut budi bicara Bank setelah menerima notis kematian, kegilaan, kebangkrutan dan pembubaran atau apabila diarahkan oleh mahkamah, pihak berkuasa yang berkenaan, atau agensi penguatkuasa, atau apabila Bank berpendapat adalah sesuai dan perlu untuk berbuat demikian (yang mana adalah muktamad dan mengikat).
15.2	The Bank may also close/ terminate the account upon occurrence of any of the following events: a) The IAH is adjudged bankrupt or in liquidation; or b) The IAH commits breach of any of the terms and conditions herein; or c) The IAH does not accept any alteration and amendment to this T&C, and the provision under Clause 17.2; or d) Instruction from any law enforcement agencies; or e) The IAH fails to ensure that the source of fund does not become fully Shariah non-compliant; or f) Any other events as communicated by the Bank from time to time.	15.2	Bank juga boleh menutup/menamatkan akaun apabila berlaku mana-mana peristiwa berikut: a) IAH diisytiharkan bankrap atau dalam pembubaran; atau b) IAH melanggar mana-mana terma dan syarat yang terkandung di sini; atau c) IAH tidak menerima sebarang perubahan dan pindaan kepada T&S ini, dan peruntukan di bawah Klausula 17.2; atau d) Arahan daripada mana-mana agensi penguatkuasa undang-undang; atau e) IAH gagal memastikan sumber wang yang dilaburkan adalah bukan sepenuhnya tidak patuh Syariah; atau f) Sebarang kejadian lain yang dikomunikasikan oleh Bank dari semasa ke semasa.
15.3	Notwithstanding Clause 15.2 hereof, the IAH may close/ terminate the Be U Awfar account by submitting request for closure/ termination through Be U. The Bank shall process the request within fourteen (14) calendar days from the date of request submitted by the IAH through Be U ("Account Closure Period"). Following closure/termination request for Be U AlAwfar, any remaining balance in Nest will be automatically transferred to Be U Awfar.	15.3	Walau apa pun yang terkandung dalam Klausula 15.2 di sini, IAH boleh menutup/menamatkan akaun Be U Awfar dengan menghantar permohonan penutupan/penamatan melalui Be U. Bank akan memproses permohonan dalam tempoh empat belas (14) hari kalendar dari tarikh permohonan dihantar oleh IAH melalui Be U ("Tempoh Penutupan Akaun"). Berikutan permohonan penutupan/penamatan Be U Awfar, sebarang baki dalam Nest akan dipindahkan secara automatik ke dalam Be U Awfar.
16.0	NEST FEATURE	16.0	CIRI NEST
16.1	All Be U Awfar IAH are eligible to create Nest. For creation of Nest, IAH is required to authenticate via BeSafe, a secure authentication method generated via Be U.	16.1	Semua IAH Be U Awfar layak membuka Nest. Bagi membuka Nest, IAH dikehendaki untuk mengesahkan pembukaan Nest melalui BeSafe, satu kaedah pengesahan selamat yang dijana melalui Be U.
16.2	To withdraw money from Nest, IAH is required to transfer the money into Be U Awfar. The transfer from Nest to Be U Awfar is not an automatic process. Once the funds have been transferred from Nest to Be U Awfar, IAH may withdraw the funds directly from Be U Awfar.	16.2	Untuk membuat pengeluaran dari Nest, IAH dikehendaki untuk memindahkan dana dari Nest ke Be U Awfar. Pemindahan dana dari Nest ke Be U Awfar adalah tidak automatik. Apabila dana telah dipindahkan dari Nest ke Be U Awfar, IAH dapat membuat pengeluaran dana



Be U by Bank Islam

Menara Bank Islam
22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur

☎ 03 2779 0088

@ beu.communitysupport@bankislam.com.my



			tersebut terus dari Be U AlAwfar.
16.3	No minimum balance is required for Nest, but Be U Awfar follows the minimum balance stated in the PDS.	16.3	Tiada baki minimum diperlukan untuk Nest, tetapi Be U Awfar mengikut baki minimum yang dinyatakan dalam PDS.
16.4	The Bank reserves the right to close any Nest if no deposit are made into the Nest within three (3) months from the date of its creation or if the Nest maintains a zero (0) balance for three (3) consecutive months at any time. Prior to the closure, the Customer will be duly notified.	16.4	Bank berhak untuk menutup mana-mana Nest sekiranya tiada deposit dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh pembukaannya atau jika baki dalam Nest adalah sifar (0) selama tiga (3) bulan berturut-turut pada bila-bila masa. , pelanggan akan dimaklumkan terlebih dahulu sebelum sebarang penutupan dilakukan.
16.5	IAH may elect to close their Nest at anytime. Any Nest balances will be automatically transferred to Be U Awfar before the closure of Nest.	16.5	IAH boleh memilih untuk menutup Nest mereka pada bila-bila masa. Sebarang baki dalam Nest akan dipindahkan ke Be U AlAwfar secara automatik sebelum penutupan Nest.
16.6	Other than the terms as set out in this Clause 16 (Nest Feature) and as expressly set out in these terms and conditions, all other terms relating to Be U Awfar shall be similarly applicable to Nest except for (Standing Instructions) if any.	16.6	Selain dari terma yang dinyatakan dalam Klausula 16 ini (Ciri Nest) dan dinyatakan dalam terma dan syarat ini, terma-terma lain berkenaan Be U Awfar adalah terpakai kepada Nest kecuali bagi (Arahan Tetap) jika terpakai.
16.7	Be U Awfar IAH may hold up to a maximum of eight (8) active Nests at any one time.	16.7	IAH Be U Awfar boleh memegang sehingga maksimum lapan (8) Nests aktif pada satu masa.
17.0	ADDITIONAL TERMS AND CONDITIONS	17.0	TERMA DAN SYARAT TAMBAHAN
17.1	IA product shall further be governed by and subject to the rules, regulations and guidelines issued by Bank Negara Malaysia from time to time. The IAH agrees that the services currently and/ or at any time offered by the Bank to IAH shall be dependent upon and subject to the said rules, regulations, and guidelines.	17.1	Produk IA akan tertakluk kepada dan dikawal oleh peraturan, undang-undang, dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa. IAH bersetuju bahawa perkhidmatan yang ditawarkan oleh Bank kepada IAH pada masa ini dan/atau pada bila-bila masa akan bergantung kepada dan tertakluk kepada peraturan, undangundang, dan garis panduan tersebut.
17.2	The Bank shall be entitled to vary or amend the terms and/ or conditions of this T&C subject to the Shariah rules and principles by giving twenty one (21) days' notice in writing to the IAH and such amendments and variations shall have similar effect as those hereinbefore referred to in this T&C and nothing herein shall be construed so as to restrict or curtail or prejudice any of the rights of the Bank herein to vary or amend the terms and/ or conditions without the necessity to obtain the IAH's consent or confirmation.	17.2	Bank berhak untuk mengubah atau meminda terma dan/atau syarat T&S ini mengikut peraturan dan prinsip Syariah dengan memberikan notis bertulis selama dua puluh satu (21) hari kepada IAH, dan pindaan serta perubahan tersebut akan mempunyai kesan yang sama seperti yang disebutkan dalam T&S ini. Tiada apa-apa dalam perjanjian ini yang akan ditafsirkan sebagai mengehendakan, mengurangkan atau prejudis terhadap mana-mana hak Bank untuk mengubah atau meminda terma dan/atau syarat tanpa perlu mendapatkan persetujuan atau pengesahan daripada IAH.
17.3	If there is any change in the IAH's personal data for example email address, the IAH shall notify the Bank immediately. This is important to ensure that all communications reach the IAH promptly.	17.3	Sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam data peribadi IAH, contohnya alamat e-mel, IAH hendaklah memaklumkan Bank dengan segera. Ini adalah penting untuk memastikan semua komunikasi sampai kepada IAH dengan tepat pada masanya.
17.4	The Bank shall provide a fund performance report to the IAH on a quarterly basis. The format and contents of the fund performance report shall be in such form as may be determined by the Bank.	17.4	Bank akan menyediakan laporan prestasi dana kepada IAH setiap suku tahun. Format dan kandungan laporan prestasi dana akan ditentukan oleh Bank.
17.5	In the event that any of the provision in this T&C is invalid, illegal and unenforceable under any applicable law or by any reasons whatsoever, the legality and enforceability of the remaining provisions shall not be affected.	17.5	Sekiranya mana-mana peruntukan dalam T&S ini adalah tidak sah, haram dan tidak boleh dikuatkuasakan di bawah manamana undang-undang yang berkenaan atau atas apa-apa sebab sekalipun, kesahan dan keberkuatkuasaan peruntukan-peruntukan yang lain tidak akan terjejas.
18.0	DISCLOSURE OF INFORMATION	18.0	PENDEDAHAN MAKLUMAT
18.1	The Bank will not reveal personal data of the IAH	18.1	Bank tidak akan mendedahkan data peribadi IAH

	including address, telephone number or email address to any external party other than parties listed below (the "Authorized Parties") other than for the purpose connected with the operation of the IAH's account, unless the Bank has the IAH permission, or is under either a legal obligation or any other duty to do so: a) any officer, employee, agent, or director of Bank Islam Group which includes the holding company(s) of Bank Islam, its subsidiaries, associated companies, affiliates, representatives and branch offices; or b) relevant third parties such as professional advisers, strategic business partners and alliances, service providers, insurers/ Takaful operator or insurance/ Takaful brokers, outsourced agents, merchants, vendors, business partners and business agents who supports the operational activities of the Bank and whom are under legal obligation to the confidentiality of IAH's data; or c) any actual or potential participants or assignee, novatee or transferee of the Bank's rights and/ or obligations under any transaction between the Bank and IAH (or any agents or professional advisers); or d) any rating agency or direct/ indirect provider of credit protection to the Bank; or e) any party as required by any law or any government, quasi-government, administrative, regulatory/ supervisory body or authority, court, or tribunal; or f) any credit reference agency that the Bank uses for credit assessment or credit review of IAH and parties related to the facilities provided by the Bank to IAH; or g) any financial crime references agencies, other financial institution, and any of their respective agents. h) any guarantor or collateral provider for IAH's facilities.		termasuk alamat, nombor telefon atau alamat e-mel kepada manamana pihak luar selain pihak yang disenaraikan di bawah ("Pihak Berkuasa") melainkan untuk tujuan yang berkaitan dengan operasi akaun IAH, kecuali Bank mempunyai kebenaran IAH, atau tertakluk kepada kewajipan undangundang atau sebarang kewajipan lain untuk berbuat demikian: a) mana-mana pegawai, pekerja, ejen, atau pengarah Kumpulan Bank Islam termasuk syarikat induk Bank Islam, anak-anak syarikatnya, syarikat berkaitan, afiliasi, wakil dan pejabat cawangan; atau b) pihak ketiga yang berkaitan seperti penasihat profesional, rakan perniagaan strategik dan perkongsian, penyedia perkhidmatan, pengendali insurans/ Takaful atau broker insurans/ Takaful, ejen penyumberan luar, peniaga, vendor, rakan perniagaan dan ejen perniagaan yang menyokong aktiviti operasi Bank dan yang tertakluk kepada kewajipan undang-undang untuk menjaga kerahsiaan data IAH; atau c) apa-apa peserta sebenar atau berpotensi atau pemegang serah hak, novatee atau penerima pindahan hak dan/atau kewajipan Bank di bawah mana-mana transaksi antara Bank dan IAH (atau mana-mana ejen atau penasihat profesional); atau d) apa-apa agensi penarafan atau penyedia perlindungan kredit langsung/ tidak langsung kepada Bank; atau e) apa-apa pihak yang diperlukan oleh mana-mana undang-undang atau mana-mana badan kerajaan, separa kerajaan, pentadbiran, badan pengawalseliaan/ penyeliaan atau pihak berkuasa, mahkamah, atau tribunal; atau f) apa-apa agensi rujukan kredit yang digunakan oleh Bank untuk penilaian kredit atau semakan kredit IAH dan pihak- pihak yang berkaitan dengan kemudahan yang disediakan oleh Bank kepada IAH; atau g) apa-apa agensi rujukan jenayah kewangan, institusi kewangan lain, dan mana-mana ejen mereka. h) mana-mana penjamin atau penyedia cagaran untuk kemudahan IAH.
18.2	The IAH hereby expressly consents to such disclosure and confirms and declares that the terms contained therein shall be subject to the Privacy Notice in connection with the Personal Data Protection Act 2010 signed with the Bank and in the event of any inconsistency between the terms contained herein with the terms as set out in the Privacy Notice, the terms and conditions in the Privacy Notice shall prevail.	18.2	IAH dengan ini memberikan persetujuan secara nyata untuk pendedahan tersebut dan mengesahkan serta mengisytiharkan bahawa terma-terma yang terkandung di dalamnya akan tertakluk kepada Notis Privasi yang berkaitan dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 yang telah ditandatangani dengan Bank, dan sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara terma-terma yang terkandung di sini dengan terma-terma yang

			terkandung dalam Notis Privasi, terma dan syarat dalam Notis Privasi akan diguna pakai.
18.3	The IAH further acknowledges that the information provided by IAH to the Bank including the information regarding the IAH and any reportable account(s) may be shared with the tax authorities of the country/ jurisdiction in which this account(s) is/are maintained and/or exchanged with any tax authorities of another country/ jurisdiction or countries/ jurisdictions in which the IAH may be the tax resident pursuant to intergovernmental agreements in which the Bank has obligation to exchange any account information.	18.3	IAH selanjutnya mengakui bahawa maklumat yang diberikan oleh IAH kepada Bank termasuk maklumat mengenai IAH dan mana-mana akaun yang perlu dilaporkan boleh dikongsi dengan pihak berkuasa cukai negara/ bidang kuasa dimana akaun ini diselenggara dan/atau dipertukar dengan mana-mana pihak berkuasa cukai negara/ bidang kuasa lain atau negara/ bidang kuasa yang mana IAH mungkin menjadi pemastautin cukai mengikut perjanjian antara kerajaan yang mana Bank mempunyai kewajipan untuk menukar sebarang maklumat akaun.
19.0	ANTI MONEY LAUNDERING AND COUNTER FINANCING OF TERRORISM	19.0	ANTI PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN
19.1	In order to comply with local or foreign law, regulations, voluntary codes, directives, judgments or court orders, and any authorities, regulators or enforcement agencies, policies, good practice, government sanctions or embargoes, reporting requirements under financial transactions legislation and demands or requests of any authority, regulator, tribunal, enforcement agencies, exchange bodies, the Bank may: a) be prohibited from entering or concluding transactions involving certain persons or entities (e.g. person or entity that is itself sanctioned or is connected to or dealing with (directly or indirectly) any person or entity that is sanctioned under economic and trade sanctions imposed by any regulator in any jurisdiction. b) report suspicious transactions or potential breaches of sanctions to an authority in any jurisdiction to which the Bank may need or decide to disclose. Transactions impacted include those that may: i. involve the provision of finance to any person involved or suspected of involvement in terrorism or any terrorist act; or ii. be relevant to investigation of an actual or attempted evasion of tax law, investigation of or prosecution of a person for an offence against any applicable law; or iii. involve persons or entities which may be the subject of sanctions. c) intercept and investigate any payment messages and other information or communications sent to or by the IAH or on behalf of the IAH and may delay, block, or refuse to make any payment and payment screening may cause a delay in processing certain information. d) take any action it believes to be necessary, which includes freezing of funds, preventing operation of an account, refusing a request for funds from the IAH, not	19.1	Bagi mematuhi undang-undang tempatan atau luar negara, peraturan, kod sukarela, arahan, keputusan mahkamah atau perintah mahkamah, serta mana-mana pihak berkuasa, pengawal selia atau agensi penguatkuasaan, dasar, amalan baik, sekatan atau embargo kerajaan, keperluan pelaporan di bawah perundangan transaksi kewangan dan permintaan atau permohonan mana-mana pihak berkuasa, pengawal selia, tribunal, agensi penguatkuasaan, badan pertukaran, Bank boleh: a) dilarang untuk memasuki atau menyelesaikan transaksi yang melibatkan individu atau entiti tertentu (contohnya individu atau entiti yang dikenakan sekatan atau yang berkaitan dengan atau mengurus niaga (secara langsung atau tidak langsung) dengan mana-mana individu atau entiti yang dikenakan sekatan di bawah sekatan ekonomi dan perdagangan yang dikenakan oleh mana-mana pengawal selia di mana-mana bidang kuasa). b) melaporkan transaksi yang mencurigakan atau potensi pelanggaran sekatan kepada pihak berkuasa di mana-mana bidang kuasa yang mana Bank perlu atau memutuskan untuk mendedahkannya. Transaksi yang terlibat termasuk yang mungkin: i. melibatkan penyediaan pembiayaan kepada mana-mana individu yang terlibat atau disyaki terlibat dalam keganasan atau sebarang tindakan pengganas; atau ii. berkaitan dengan penyiasatan terhadap pengelakan undang-undang percukaian yang sebenar atau percubaan yang sebenarnya, penyiasatan atau pendakwaan terhadap seseorang atas kesalahan yang melanggar mana-mana undang-undang yang berkenaan; atau iii. melibatkan individu atau entiti yang mungkin menjadi subjek sekatan.

	allowing IAH to use a product or delaying and/or cancelling a transaction. The Bank does not require to notify the IAH until a reasonable time after it is permitted to do so under those law or policies. The Bank will not be liable for any loss arising out of any action taken or delay or failure by the Bank, in performing any of its duties or other obligations. e) not to accept any deposit via any means or sources and/or allow or carry out any other transactions including withdrawals of money in respect of IAH's account if the Bank has a reason to believe or is made aware of by third parties or relevant authorities that the IAH's account is being used for or implicated in fraud, potential fraud, financial crimes, illegal activities, soliciting illegal financial investment schemes, money laundering or terrorism financing activities. The Bank too shall (subject to the extent permitted by law), reserves the right to close, freeze or otherwise deal with the IAH's account as necessary.		c) menyekat dan menyiasat sebarang mesej pembayaran dan maklumat atau komunikasi lain yang dihantar kepada atau oleh IAH atau bagi pihak IAH dan mungkin menangguhkan, menyekat, atau menolak untuk membuat sebarang pembayaran, dan saringan pembayaran mungkin menyebabkan kelewatan dalam pemprosesan maklumat tertentu. d) mengambil sebarang tindakan yang dianggap perlu, termasuk membekukan dana, menghalang operasi akaun, menolak permohonan untuk dana daripada IAH, tidak membenarkan IAH menggunakan produk atau menangguhkan dan/atau membatalkan transaksi. Bank tidak dikehendaki memberitahu IAH sehingga masa yang munasabah selepas ia dibenarkan berbuat demikian di bawah undang-undang atau dasar tersebut. Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian yang timbul daripada sebarang tindakan yang diambil atau kelewatan atau kegagalan oleh Bank dalam melaksanakan mana-mana kewajipan atau tanggungjawabnya. e) tidak menerima sebarang deposit melalui mana-mana cara atau sumber dan/atau membenarkan atau menjalankan sebarang transaksi lain termasuk pengeluaran wang berhubung dengan akaun IAH jika Bank mempunyai alasan untuk mempercayai atau dimaklumkan oleh pihak ketiga atau pihak berkuasa yang berkaitan bahawa akaun IAH digunakan untuk atau terlibat dalam penipuan, penipuan berpotensi, jenayah kewangan, aktiviti haram, mempromosikan skim pelaburan kewangan haram, pengubahan wang haram atau aktiviti pembiayaan pengganas. Bank juga (tertakluk kepada had yang dibenarkan oleh undang-undang), berhak untuk menutup, membekukan atau bertindak ke atas akaun IAH sebagaimana yang diperlukan.
20.0	PRIZE DRAW	20.0	CABUTAN HADIAH
20.1	Only active accounts will be entitled for the prize draw. Subject to this T&C, Bank Islam reserves the right to include or exclude any account for the prize draw. The draw eligibility and categories can be referred to Be U's website at www.getbeu.com .	20.1	Hanya akaun aktif layak untuk menyertai cabutan. Tertakluk kepada T&C ini, pihak Bank Islam berhak untuk memasukkan atau mengecualikan apa-apa akaun untuk cabutan hadiah tersebut. Kelayakan dan kategori-kategori cabutan boleh dirujuk di laman web Be U di www.getbeu.com .
20.2	The IAH will be entitled for one (1) Eligibility Unit (EU) based on the qualifying criteria stated in Be U's website at www.getbeu.com .	20.2	IAH layak untuk mendapat satu (1) Unit Penyertaan (EU) berdasarkan kepada kriteria kelayakan yang dinyatakan di laman web Be U di www.getbeu.com .
20.3	If the prize is not available for whatsoever reason, the Bank reserves the right to substitute the prize for any item of equivalent value or with any other items whichever the Bank deems appropriate upon the Bank issuing at least fourteen (14) days prior notice to all Prize Winners from the date prize winner announcement is scheduled to be made by the Bank. The mode of notifications will be in electronic means via Be U website, Be U app or Be U social media.	20.3	Sekiranya hadiah tidak tersedia atas sebarang sebab, Bank berhak untuk menggantikan hadiah tersebut dengan mana-mana item yang bernilai setara atau dengan mana-mana hadiah lain yang dianggap sesuai oleh Bank, tertakluk kepada pemberitahuan sekurang-kurangnya empat belas (14) hari terlebih dahulu kepada semua Pemenang Hadiah daripada tarikh pengumuman pemenang hadiah dijadualkan akan dibuat oleh Bank. Kaedah pemberitahuan akan dilakukan secara elektronik melalui laman web Be U, aplikasi Be U atau media sosial Be



Be U by Bank Islam

Menara Bank Islam
22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur

☎ 03 2779 0088

@ beu.communitysupport@bankislam.com.my



			U.
20.4	The prize is not redeemable or exchangeable for any other items or cash. Prize Winners must accept the prize "as it is" and must acknowledge that the Bank shall not be held responsible in the value of the prizes due to the variation of prices in the market during the prizes redemption/ collection by them at the time stipulated by the Bank.	20.4	Hadiah tidak boleh ditebus atau ditukar dengan hadiah lain atau wang tunai. Pemenang Hadiah mesti menerima hadiah seperti sedia ada ("as it is") dan mengakui bahawa Bank tidak bertanggungjawab terhadap nilai hadiah sekiranya berlaku perubahan harga di pasaran semasa penebusan/ pengambilan hadiah oleh mereka pada masa yang ditetapkan oleh Bank.
20.5	The prize(s) does/ do not include any accessories or items shown in any advertisements and/ or promotional materials as they are for illustrative purpose only.	20.5	Hadiah tersebut tidak termasuk sebarang aksesori atau barangan yang dipaparkan dalam iklan dan/ atau bahan promosi kerana ia hanya bertujuan untuk ilustrasi.
20.6	The Bank accepts no responsibility for any tax responsibilities that may arise from the prizes or the use thereof. Any tax filing obligation or tax payment due (if any) to any tax authority as a result of receipt of the prizes remains the sole responsibility of the Prize Winners. It is the responsibility of the Prize Winners to seek an independent tax advice on the possible tax responsibilities to their financial situations.	20.6	Bank tidak bertanggungjawab terhadap sebarang tanggungjawab cukai yang mungkin timbul daripada hadiah atau penggunaannya. Sebarang kewajipan pemfailan cukai atau pembayaran cukai (jika ada) kepada mana-mana pihak berkuasa cukai akibat penerimaan hadiah adalah tanggungjawab sepenuhnya Pemenang Hadiah. Adalah menjadi tanggungjawab Pemenang Hadiah untuk mendapatkan nasihat cukai bebas mengenai kemungkinan tanggungjawab cukai berdasarkan situasi kewangan mereka.
20.7	The Bank and its affiliates and their respective directors, officers, employees and agents shall not be liable for any misinterpretation of facts and/or inflicted injuries and/ or loss of lives and/or valuables resulting from the prize won and shall not be liable, whether direct or consequential, for any loss and damage or for any personal injury and/ or whatsoever suffered or sustained by the IAH/ Prize Winners caused directly or indirectly, in whole or in part, in connection with their participation in this Product or the receipt or use of any of the prizes or may be suffered in the course of the prize giving travel and/ or as a result of any act or omission on the part of Bank Islam whatsoever, except for any liability which cannot be excluded by law. Bank Islam shall not be responsible in any way whatsoever, in respect of any matters beyond Bank Islam's control in regard to this Product or anything related thereto.	20.7	Bank dan sekutunya serta pengarah, pegawai, pekerja, dan ejen mereka tidak akan bertanggungjawab atas sebarang salah tafsir fakta dan/atau kecederaan, kehilangan nyawa, dan/atau harta benda yang berpunca daripada hadiah yang dimenangi. Bank juga tidak akan bertanggungjawab, sama ada secara langsung atau tidak langsung, atas sebarang kerugian atau kerosakan, atau kecederaan peribadi dan/atau apa-apa yang dialami oleh IAH/Pemenang Hadiah, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, yang berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Produk ini atau penerimaan atau penggunaan mana-mana hadiah, atau yang mungkin dialami semasa dalam perjalanan untuk menebus hadiah, atau akibat daripada sebarang tindakan atau kelalaian oleh pihak Bank Islam, kecuali bagi tanggungjawab yang tidak boleh dikecualikan oleh undang-undang. Bank Islam tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang perkara di luar kawalan Bank Islam berkaitan dengan Produk ini atau sebarang perkara yang berkaitan dengannya.
20.8	All prize winners will be notified via Be U's website at www.getbeu.com , Be U app, Be U social media and/ or through any other mode of communication as communicated by the Bank from time to time.	20.8	Semua pemenang hadiah akan dimaklumkan melalui laman web Be U di www.getbeu.com , aplikasi Be U, media sosial Be U, dan/atau melalui mana-mana saluran komunikasi lain seperti yang diberitahu oleh Bank dari semasa ke semasa.
20.9	The Bank's decision on all matters relating to the selection of winners and prizes via Bank Islam's generic draw engine shall be final, conclusive, and binding on the IAH and no further correspondence and/ or appeal to dispute the Bank's decision shall be entertained.	20.9	Keputusan Bank berkenaan semua perkara yang berkaitan dengan pemilihan pemenang dan hadiah melalui enjin cabutan am Bank Islam adalah muktamad, konklusif, dan mengikat ke atas IAH. Sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank tidak akan dilayan.
20.10	Any claim for the prizes (in the event the account was closed before the crediting of the prize(s) must be made within twelve (12) months from the date of the Bank's announcement by emailing the Bank at beu.communitysupport@bankislam.com.my	20.10	Sebarang tuntutan untuk hadiah (sekiranya akaun telah ditutup sebelum kredit hadiah dilakukan) mesti dibuat dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh pengumuman Bank dengan menghubungi Bank melalui e-mel ke beu.communitysupport@bankislam.com.my
20.11	In compliance with Personal Data Protection Act (PDPA)	20.11	Selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA)



Be U by Bank Islam

Menara Bank Islam
22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur

☎ 03 2779 0088

@ beu.communitysupport@bankislam.com.my



	2010, the Bank shall protect the personal data of the IAH. Winners shall consent and agree that their names and photographs may be published in any media selected by the Bank for publicity purposes.		2010, Bank akan melindungi data peribadi IAH. Pemenang hadiah bersetuju dan memberi kebenaran kepada Bank untuk memaparkan nama dan gambar mereka dalam media yang dipilih oleh Bank untuk tujuan publisiti.
20.12	Cash prizes will be credited into the Be U Awfar account within fourteen (14) working days from the date of the Bank's announcement.	20.12	Hadiah berbentuk tunai akan dikreditkan ke dalam akaun Be U Awfar dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja dari tarikh pengumuman Bank.
20.13	The Bank has the right to review the criteria, eligibility, entry requirement, and frequency of the draw whatsoever from time to time.	20.13	Bank berhak untuk menyemak semula kriteria, kelayakan, syarat penyertaan, dan kekerapan cabutan hadiah pada bilabila masa.
21.0	GOVERNING LAW	21.0	UNDANG-UNDANG
21.1	This T&C shall be governed by the laws of Malaysia.	21.1	T&S ini adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia.
	WARNING: THE RETURNS ON THIS INVESTMENT ACCOUNT WILL BE AFFECTED BY THE PERFORMANCE OF THE UNDERLYING ASSETS. THE PRINCIPAL AND RETURNS ARE NOT GUARANTEED AND THE INVESTMENT ACCOUNT HOLDER RISKS EARNING NO RETURNS AT ALL. IF THE INVESTMENT IS REDEEMED EARLY, THE INVESTMENT ACCOUNT HOLDER MAY SUFFER LOSSES IN PART OR THE ENTIRE PRINCIPAL SUM INVESTED. THIS INVESTMENT ACCOUNT IS NOT PROTECTED BY PIDM. DOWNLOAD CAUTION: i. DO NOT DOWNLOAD BE U APP FROM ANY LINK PROVIDED OUTSIDE OF OFFICIAL APP STORES. ii. PARTICIPANTS ARE CAUTIONED AGAINST DOWNLOADING THE APP FROM ANY OTHER SOURCE.		AMARAN: PULANGAN AKAUN PELABURAN INI BERKEMUNGKINAN AKAN TERJEJAS OLEH PRESTASI ASET DASAR. JUMLAH PRINSIPAL DAN PULANGAN TIDAK DIJAMIN DAN PEMEGANG AKAUN PELABURAN MEMPUYAI RISIKO UNTUK TIDAK MEMPEROLEHI SEBARANG PULANGAN. JIKA PELABURAN DITEBUS AWAL, PEMEGANG AKAUN PELABURAN MUNGKIN MENGALAMI KERUGIAN PADA SEBAHAGIAN ATAU KESELURUHAN JUMLAH PELABURAN. AKAUN PELABURAN INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PIDM. AMARAN MUAT TURUN: i. JANGAN MUAT TURUN APLIKASI BE U DARIPADA MANA-MANA PAUTAN YANG DISEDIAKAN DI LUAR GEDUNG APLIKASI RASMI. ii. PESERTA DIBERI AMARAN SUPAYA TIDAK MEMUAT TURUN APLIKASI DARIPADA MANA-MANA SUMBER LAIN.